

# Atlit diminta simpan sel tunjang sebelum bertanding

Oleh Meor Hisham Zulkifli

**A**TLIT kebangsaan akan diminta supaya menyimpan sel tunjang sebelum bertanding dalam sebarang kejohanan bagi memastikan mereka dapat cepat sembuh jika mengalami kecederaan.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman, berkata Malaysia mempunyai kemudahan rawatan menggunakan kaedah sel tunjang yang bertaraf dunia yang terbukti dapat mempercepatkan penyembuhan akibat kecederaan.

"Sememangnya kementerian sentiasa mahu atlit supaya cepat sembuh dan segera kembali menyertai pertandingan berbanding kaedah rawatan sebelum ini yang mengambil masa agak lama.

"Oleh itu, kita mahu Institut Sukan Negara (ISN) menjalin kerjasama rapat dengan pusat rawatan seperti ini supaya kita turut dapat melahirkan pakar dalam bidang perubatan sukan," katanya ketika melawat Pusat Perubatan Sukan Kuala Lumpur di Damansara (KLS-

MC) semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah ISN, Datuk Dr Ramlan Aziz dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Zolkples Embung.

Pada majlis itu, Azalina diberikan taklimat oleh perunding bedah Ortopedik terkemuka, Dr Saw Khay Yong dan Pengarah Urusan StemLife Berhad, Sharon Low.

Azalina berkata, kerajaan amat menekankan aspek sains sukan termasuk dalam bidang perubatan ketika negara berusaha melahirkan atlit bertaraf dunia.

"Sejajar dengan atlit bertaraf dunia, kita juga memerlukan pusat perubatan sukan yang juga bertaraf dunia. Dimaklumkan ramai atlit sudah pun mendapatkan rawatan di sini dan terbukti mereka dapat segera kembali beraksi dalam tempoh singkat," katanya.

Beliau berkata, ISN mungkin turut mengkaji kemungkinan menubuhkan unit rawatan sukan di ISN tetapi semuanya memerlukan perancangan rapi dan usaha mendapatkan pakar perubatan yang sesuai.

Rawatan sel tunjang sudah pun bertapak di negara ini sejak beberapa tahun lalu untuk rawatan pelbagai jenis penyakit dan bagi aspek sukan, kebanyakan kecederaan membabitkan sendi kaki dan lutut.

KLSMC dikatakan mempelopori kaedah rawatan sel tunjang untuk merawat kecederaan sendi lutut dan rawatan yang dijalankan membolehkan pesakit sembuh hanya dalam masa tujuh atau lapan minggu saja.

Menerusi kaedah yang digunakan, sel tunjang diperoleh daripada penyisihan darah dan bukannya daripada kaedah biasa yang diambil dari tulang belakang, janin atau uri, tiga kaedah yang sering mencetuskan persoalan etika.

Untuk rawatan kecederaan sendi lutut umpamanya, sel tunjang dan sejenis bahan akan dimasukkan pada sendi itu membolehkan sel itu membiak lalu merawat kecederaan berkenaan.

Antara negara lain yang turut menggunakan kaedah ini adalah United Kingdom, Amerika Syarikat dan Korea Selatan.



TANYA KHABAR: Azalina dan Dr Ramlan (tengah) bertanya sesuatu kepada Leong Khuan Yee ketika melawat Pusat Perubatan Sukan Kuala Lumpur.